

# AirAsia meterai MoA beri manfaat 20 IPTA

**Putrajaya:** Syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia Berhad (AirAsia) semalam menandatangani Memorandum Persetujuan (MoA) Waran Perjalanan Udara Awam AirAsia (WPUA) bersama 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Zaini Ujang, berkata MoA berkenaan secara tidak langsung memberi kemudahan dan penjimatan kepada kakitangan serta pelajar IPTA.

Beliau berkata, usaha itu juga selaras hasrat kerajaan yang mahukan semua agensi awam melaksanakan perbelanjaan berhemah.

“Menerusi penggunaan WPUA, ia dapat memberi manfaat kepada lebih 650,000 kakitangan dan pelajar yang menjalankan



Zaini (kanan) menerima cenderahati daripada Aireen selepas majlis MoA Airasia dengan 20 wakil IPTA di Putrajaya, semalam.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

tugas di dalam atau luar negara.

“Saya berharap, semua kakitangan dan pelajar IPTA memanfaatkan program WPUA ini sebaiknya, kerana ia sudah dipraktikkan pegawai jabatan kerajaan sejak program diperkenalkan mulai tahun 2008.

## Lebih banyak syarikat jalin hubungan

“Diharapkan lebih banyak syarikat tempatan bekerjasama menjalin hubungan seumpama ini dengan institusi pengajian tinggi di Malaysia,” katanya ketika berucap sebelum menyaksikan majlis menandatangani MoA AirAsia dengan 20 wakil IPTA di sini semalam. Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Aireen Omar.

IPTA berkenaan ialah Univer-

siti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Yang turut terbabit ialah Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Malaysia Pahang.

Empat lagi ialah Universiti Malaysia Perlis, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Kelantan dan Univesiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).